

10 NOV 1999

Mahathir-Pilihan raya '''

PILIHAN RAYA AWAL ELAK KEGIATAN CEMAR RAMADAN, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 10 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata keputusan beliau membubarkan parlimen berkuatkuasa esok bertujuan membolehkan pilihan raya umum diadakan sebelum Ramadan dan mengelak kegiatan kempen pilihan raya yang boleh mencemar bulan puasa itu.

Perdana Menteri berkata bahawa pada mulanya beliau bercadang untuk mengadakan pilihan raya selepas Hari Raya Puasa Januari tahun depan tetapi mendapat inspirasi baru semalam untuk membubarkan parlimen esok supaya pilihan raya umum dapat diadakan sebelum bermulanya puasa yang dijangka 9 Dis ini.

Bercakap pada sidang berita di Jabatan Perdana Menteri di sini selepas mengumumkan keputusannya untuk membubarkan parlimen, Dr Mahathir berkata sekiranya pilihan raya umum diadakan selepas Hari Raya Puasa, ini bermakna bulan Ramadan boleh diganggu oleh kegiatan kempen yang tidak diinginkan seperti fitnah-memfitnah serta maki hamun, bohong dan kata-kata kesat dilemparkan.

"Ini sangat tidak sesuai dengan bulan yang mulia itu," katanya.

Penggal lima tahun parlimen hanya tamat Jun tahun depan tetapi spekulasi beberapa bulan ini bahawa pilihan raya umum akan diadakan lebih awal bertambah kencang semalam apabila Dr Mahathir membatalkan rancangannya untuk menghadiri Persidangan Ketua Kerajaan Komanwel di Afrika Selatan.

Speaker Dewan Rakyat Tun Mohamed Zahir Ismail mengumumkan pada persidangan Dewan Rakyat sebelum persidangan berita Dr Mahathir itu bahawa beliau telah menerima surat perisytiharan pembubaran Parlimen berkuatkuasa esok daripada yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada jam 12.45 tengah hari ini.

Dr Mahathir telah menghadap Yang di-Pertuan Agong pagi ini untuk memaklumkan keputusannya membubarkan Parlimen yang diperkenankan oleh Seri Paduka.

Perdana Menteri pada persidangan berita yang disiarkan secara langsung oleh RTM menegaskan beliau tidak mahu suasana sepanjang bulan Ramadan diganggu oleh kegiatan yang tidak baik semasa umat Islam berpuasa dan mengerjakan kegiatan keagamaan yang lain.

"Pihak-pihak tertentu juga akan cuba menggagalkan pilihan raya dengan mengadakan demonstrasi dan rusuhan, terutama setelah mereka dapati mereka tidak mungkin menang," kata beliau.

"Untuk mengelakkan perkara-perkara berlaku, saya berpendapat adalah lebih baik pilihan raya diadakan sebelum bulan puasa. Apabila kita berpuasa, kita tak ada kegiatan-kegiatan yang hampir tidak siuman kerana mahu mendapatkan sokongan.

"Kerana ingin sokongan politik, agama Islam digunakan dengan tafsiran agama yang salah semata-mata kerana nak mendapatkan sokongan orang Islam," katanya.

Menjawab soalan, Dr Mahathir berkata: "Saya menghadapi pilihan raya bukan untuk menguji populariti saya berbanding seseorang. Pilihan raya satu urusan yang serius dan kita hadapi pilihan raya untuk menentukan siapa yang akan membentuk kerajaan.

"Saya tidak kisah sama ada saya popular atau tidak. Apa yang penting ialah negara ini mendapat sebuah kerajaan yang baik," kata perdana menteri yang yakin Barisan Nasional akan terus berkuasa dengan majoriti kukuh.

"Saya bukannya ingin mendapat apa-apa untuk diri saya. Saya ingin berusaha untuk negara ini dan saya tidak kisah sama ada saya tercatat dalam

sejarah sebagai seorang yang baik atau jahat.

"Yang penting ialah apa yang dicapai untuk negara ini oleh kerajaan Barisan Nasional," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

AU MAI